KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	20.03.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JMG			

RM400 juta baiki cerun

327 lokasi runtuhan jalan Persekutuan dikenal pasti

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Yan: Sebanyak 327 runtuhan cerun dikenal pasti di jalan Persekutuan di seluruh negara, membabitkan kos baik pulih sebanyak RM400 juta.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 121 cerun sudah siap dan dalam proses baik pulih, manakala selebihnya dalam perancangan untuk kerja baik pulih.

"Ada yang sudah siap dan ada yang masih dalam pembinaan, ada juga dalam perancangan untuk baik pulih mengikut tahap runtuhan cerun itu.

"Terdapat juga runtuhan yang berskala besar, yang skala kecil itu sebahagiannya sudah siap dibaik pulih, yang sederhana dalam perancangan dan runtuhan yang besar itu mungkin memerlukan lebih banyak masa untuk kita selesaikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan pembaikan cerun pascabanjir, di jalan Gunung Jerai, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, antara runtuhan cerun yang serius atau kritikal adalah di Bentong, Cameron Highlands, Kuala Lipis di Pahang, Simpang Pulai di Perak dan Kuala Klawang serta Genting Peras di Negeri Sembilan.

Mengulas insiden tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang, Kuala Lumpur, beliau berkata, ia adalah di bawah bidang kuasa Selangor, namun Kementerian Kerja Raya membantu menyediakan kepakaran Jabatan Kerja Raya (JKR) serta nasihat untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) jika diperlukan.

Dalam pada itu, Fadillah berkata, proses baik pulih tujuh runtuhan cerun di Gunung Jerai dijangka siap sepenuhnya menjelang April ini.

"Harapan besar daripada kerajaan negeri supaya projek ini disiapkan seawal mungkin supaya jalan Gunung Jerai ini dibuka semula untuk pelancong datang. Insya-Allah, Mei ini jalan Gunung Jerai akan dibuka untuk semua.

"Kerja pembaikan agak kompleks kerana bukan sekadar baiki cerun, tetapi sebahagiannya kita pasang jaring untuk lindungi jalan," katanya.

Beliau berkata, lokasi baik pulih cerun itu, turut membabitkan di laluan K1 Jalan Kuala Kedah, Yan, Singkir dan Kampung Badong.

"Terdapat 10 lokasi baik pulih cerun di kedua-dua lokasi berkenaan, dengan tujuh lokasi siap kerja pembaikan sepenuhnya, manakala tiga lagi lokasi masih dalam proses pembaikan," katanya.

Beliau berkata, kos keseluruhan baik pulih kawasan cerun berkenaan adalah RM15 juta.

Fadillah berkata, pihaknya juga mengenal pasti runtuhan yang baharu di Kedah dan sejumlah RM6 juta diperuntukkan untuk kerja baik pulih.



Pekerja melakukan kerja-kerja pembaikan pascabanjir Gunung Jerai yang terjejas berikutan fenomena kepala air tahun lalu. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)



Jalan Gunung Jerai yang siap dibaik pulih dijangka dibuka semula Mei ini.